



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PELANTIKAN AHLI MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

---

2 April 2024 – YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah meluangkan masa menghadiri Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) yang baharu bagi sesi 2024-2027 yang diadakan di Dewan Utama, Tingkat 7, Menara PERKESO, Putrajaya. Semua ahli MPKK dilantik oleh YB Menteri Sumber Manusia berdasarkan kepada Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

Pelantikan anggota MPKK kali ini terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pihak swasta, penyedia latihan dan mereka yang mempunyai pengalaman dalam latihan kemahiran. YB Menteri Sumber Manusia berharap dengan komposisi ahli-ahli MPKK ini dapat memperkukuhkan lagi kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam membangunkan tenaga kerja mahir negara.

Selain itu, ahli-ahli MPKK juga diharap akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, amanah, dedikasi dan berupaya membuat keputusan yang tepat bagi memastikan agenda pembangunan negara untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dapat dicapai.

**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**KUALA LUMPUR**  
**2 APRIL 2024**